


Bahagian A
[30 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2014. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.

1 (a) Namakan **dua** ciri fizikal yang terdapat dalam segi empat grid di bawah.




(i).....

(ii).....

[2 markah]

(b) Berapakah keluasan kawasan tanah tinggi yang terdapat dalam segi empat grid di bawah?



.....
[2 markah]

(c) (i) Nyatakan **dua** fungsi bandar Anggerik Jaya.

.....

.....


[2 markah]

(ii) Berikan sebab bandar Anggerik Jaya tidak berkembang ke arah barat.

.....
.....
.....

[2 markah]

(d) Terangkan kepentingan kawasan dalam segi empat grid berikut terhadap perkembangan sosioekonomi penduduk setempat.



.....
.....
.....



[2 markah]

(e) Berapakah jarak melalui jalan raya dari RG 930830 hingga ke simpang tiga jalan raya di RG 935879?

.....

[2 markah]

(f) Jelaskan kesan terhadap alam sekitar sekiranya sebuah jalan raya dibina secara lurus dari X ke Y berdasarkan segi empat grid di bawah.



.....
.....
.....

[3 markah]

2. Jadual berikut menunjukkan peratus guna tenaga mengikut sektor ekonomi di Malaysia pada tahun 2022.

Sektor Ekonomi	Guna Tenaga (%)
Perkhidmatan	62
Pembuatan	17
Pertanian	12
Pembinaan	8
Perlombongan dan pengkuarian	1
Jumlah	100

(Sumber : Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, 2022)

- (a) Lukiskan carta pai bagi menunjukkan peratus guna tenaga mengikut sektor ekonomi di Malaysia pada tahun 2022.
Gunakan skala jejari 5 cm.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan carta pai yang telah anda lukis, huraikan pola perubahan guna tenaga mengikut sektor ekonomi di Malaysia pada tahun 2022.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Jelaskan kesan negatif pertambahan buruh asing terhadap sosioekonomi negara Malaysia.

.....

.....

.....


.....

.....

.....

.....

[4 markah]



Bahagian B
[30 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 3 berdasarkan maklumat di bawah.



Foto A

Foto B

3 (a) Apakah jenis luluh hawa yang dapat dikaitkan dengan kedua-dua foto di atas?

i) Foto A :

ii) Foto B : [2 markah]

(b) Nyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi proses luluh hawa dalam foto B.

i)

ii) [2 markah]

(c) Jelaskan potensi kawasan dalam foto B kepada pembangunan negara Malaysia.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(d) Cadangkan langkah-langkah untuk mengekalkan keaslian kawasan batu kapur di negara ini.

.....
.....

[2 markah]

Soalan 4 berdasarkan jadual berikut.

Jadual : Anggaran bilangan Harimau Malaya di habitat utama negara Malaysia.

Tahun	2004	2013	2016	2018
Anggaran bilangan Harimau Malaya (ekor)	510	340	250	200

Sumber : <https://harimau.my/profil/>

4 (a) Apakah habitat semula jadi Harimau Malaya di Malaysia?

.....
[1 markah]

(b) Berdasarkan jadual tersebut, mengapakah bilangan Harimau Malaya mencatatkan penurunan yang ketara?

.....
[4 markah]


(c) Apakah agensi kerajaan yang bertanggungjawab memelihara dan memulihara hidupan liar di Malaysia?

.....
[1 markah]

(d) Jelaskan langkah yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) bagi mengelakkan kepupusan spesies hidupan liar di negara ini.

.....
[4 markah]

Soalan 5 berdasarkan peta di bawah.



Peta : ASIA

5 (a) Namakan sumber tenaga boleh baharu yang dimajukan di kawasan berlorek yang bertanda :

i) P :

ii) Q :

[2 markah]

(b) Mengapakah negara P dan Q giat membangunkan sumber tenaga boleh baharu tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Cadangkan sumber tenaga boleh baharu yang berpotensi dimajukan di Malaysia. Jelaskan cadangan tersebut.

*Ruang
untuk
pemeriksa*

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian C
[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan.

- 6 (a) Di atas Peta 1 (Dunia), di halaman 12 namakan,
- i) kawasan penduduk jarang bertanda **P**
 - ii) kawasan penduduk jarang bertanda **Q**
 - iii) kawasan penduduk padat bertanda **R**
 - iv) kawasan penduduk padat bertanda **S** [4 markah]
- (b) Mengapakah taburan penduduk jarang di kawasan **P** dan **Q**? [6 markah]
- (c) Terangkan kesan negatif taburan penduduk padat di kawasan **R** dan **S**. [4 markah]
- (d) Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan impak pertambahan penduduk kepada alam sekitar dan manusia. [6 markah]
- 7 (a) Jelaskan kesan kepada manusia dan alam sekitar jika Malaysia dilanda gempa bumi. [6 markah]
- (b) Terangkan kegiatan ekonomi yang berpotensi dimajukan di kawasan pertembungan plat tektonik. [6 markah]



- (c) Berdasarkan foto di atas, huraikan langkah persediaan awal negara Malaysia terhadap risiko bencana tsunami dan gempa bumi. [8 markah]

- 8 (a) Berdasarkan tanaman kontan yang terdapat di Malaysia, huraikan kepentingan kegiatan penanaman tersebut kepada sosioekonomi penduduk Malaysia. [8 markah]
- (b) Jelaskan faktor-faktor yang menggalakkan penanaman padi di Malaysia. [6 markah]
- (c) Mengapakah keluasan kawasan tanaman padi di Malaysia kian berkurangan? [6 markah]

Soalan 9 berdasarkan petikan laporan akhbar di bawah.

NADMA tumpu 89 kawasan kerap banjir

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - September 22, 2023 @ 12:56pm mohd_iskandar@bh.com.my

PUTRAJAYA: Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) akan memberi tumpuan kepada 89 daerah 'hotspot' banjir yang dikenal pasti di seluruh negara menjelang peralihan Monsun Timur Laut bermula November ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali, berkata sebanyak 77 daerah daripada jumlah itu adalah kawasan sering berlaku banjir.

Katanya, kebanyakannya membabitkan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor.


- 9 (a) Berdasarkan petikan laporan akhbar di atas, mengapakah kejadian banjir besar semakin kerap berlaku beberapa tahun kebelakangan ini? [6 markah]
- (b) Huraikan kesan kejadian banjir terhadap manusia dan alam sekitar. [8 markah]
- (c) Terangkan langkah yang perlu dilakukan bagi mengurangkan kejadian banjir di Malaysia? [6 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Nama : Tingkatan :

MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN (MPP3) GEOGRAFI TINGKATAN 5 2024

Peta 1 (Dunia) untuk Soalan No.6 (a)



Peta 1 : DUNIA

P		R	
Q		S	

